

Menjangkau 100 tahun, politik Tun M masih belum selesai?

PERJALANAN politik bekas Perdana Menteri dua kali, Tun Dr Mahathir Mohamad sebenarnya amat menarik dan penuh warna-warni.

Mula menyertai UMNO dan menjadi wakil rakyat pada usia agak lewat iaitu 55 tahun, bekas Presiden parti selama 22 tahun itu juga pernah dipecat dan keluar daripada parti utama kaum Melayu itu sebanyak tiga kali.

Kini selepas Pejuang dan GTA 'bungkus' pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) dengan beliau sendiri hilang deposit bertanding Parlimen Langkawi, Dr Mahathir terus mencipta kontroversi.

Beliau keluar pula daripada parti baharu itu setelah dikatakan 'bergaduh' dengan anaknya sendiri, Datuk Seri Mukhriz dan kini

menyertai satu lagi parti ultra Melayu iaitu Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra).

D e n g a n usianya kini

mencecah 97 tahun, ramai pemerhati politik mempersoalkan bila Dr Mahathir hendak bersara dan adakah beliau akan terus berpolitik sehingga usia 100 tahun?

Hakikatnya terdapat banyak faktor mungkin melingkari keazaman dan iltizam tokoh negarawan terulung negara itu untuk terus berkhidmat dalam



HISOMMUDIN

WAN HASHIM

bidang politik.

Pengarah Eksekutif Ilham Centre, Hisommudin Bakar berpandangan, tekad berpolitik hingga akhir hayat itu mungkin datangnya daripada diri Dr Mahathir yang diketahui sangat kuat bekerja serta dianggap 'pencandu politik'.

"Ada pakar psikologi berpandangan jika individu itu tidak

meneruskan rutin seharian yang sama selepas usia tua, ada kemungkinan aspek kesihatan Dr Mahathir akan terjejas jika beliau memilih tidak aktif.

"Dr Mahathir yang merupakan seorang hiperaktif, pastinya mempunyai kitaran dan pemikiran sama. Selain itu, beliau juga ketagih mencatur dunia politik kerana negarawan itu terbukti masih dianggap antara pemikir negara terhebat," katanya kepada *Sinar Premium*.

Sementara itu, penganalisis politik veteran, Profesor Emeritus Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh

berpendapat Dr Mahathir harus membebaskan dirinya daripada landskap politik supaya imej negarawan akan terus kekal subur dalam pemikiran rakyat.

Jelasnya, Dr Mahathir hakikatnya sudah memberikan sumbangan politik maksimum setelah terpilih sebagai Perdana Menteri kali kedua pada tahun 2018.

"Namun pengaruh dan populariti beliau merosot teruk setelah memilih meletak jawatan secara mengejut.

"Dengan usia menjangkau 100 tahun, saya yakin pengaruh beliau semakin merosot, ibarat jatuh merudum dari Air Terjun Niagara.

"Bagi saya, lebih baik Tun M menjadi penulis bidang politik dan polisi awam kerana beliau terbukti masih memiliki mata pena tajam," katanya lagi.